

NOTA EDITOR



Selamat datang buat pembaca yang dihormati sekalian ke majalah SHOUT! bagi isu suku keempat dan keluaran terakhir pada tahun 2014. Tanpa sokongan anda, kami tidak akan pergi sejauh ini. Kami telah memperluaskan skop dan ruangan majalah kami secara beransur-ansur, bermula dengan susun atur serta wajah baru yang kami tampilkan pada awal tahun ini iaitu dengan merangkumkan versi Bahasa Malaysia bersama versi Bahasa Inggeris pada keluaran isu ketiga. Terusakan bersama dengan kami kerana pelbagai topik menarik dan relevan dengan situasi semasa akan kami sediakan buat anda pada keluaran akan datang!

Dalam isu kali ini, kami berkongsi maklumat tentang masalah telekomunikasi moden yang mungkin pernah berlaku kepada anda iaitu – Panggilan Terputus. Dalam artikel pada halaman 8, anda akan ketahui punca berlakunya talian terputus dan bagaimana untuk melaporkan masalah tersebut bagi mendapatkan penyelesaian efektif. Sampai di sini sahaja untuk kali ini dan buat semua pembaca, kami ucapkan Selamat Tahun Baru!

*Mediha Mahmood*  
 Mediha Mahmood  
 Editor

KDN PP 17752/11/2013 (033132)

SHOUT! diterbitkan setiap suku tahunan oleh:  
 Communications and Multimedia Consumer Forum of Malaysia  
 6-02, 6th Floor, Wisma Straits Trading, No 2, Lebuhr Pasar Besar, 50050  
 Kuala Lumpur  
 T: 03-2692-3800 F: 03-2693-2288 W: www.cfm.org.my

Dicetak di Malaysia oleh  
 Digi World Print Station (reg 1680084-U)  
 32, Jalan EIP 3, Ehsan Industrial Park  
 52100 Selangor  
 Diedarkan oleh  
 MPH Distributors (M) Sdn Bhd

**3 PERKARA YANG ANDA AKAN PELAJARI DALAM ISU KALI INI**

**3 LANGKAH UNTUK MENGAKTIFKAN PENGESAHAN DWI-FAKTOR** 12  
 Tingkatkan tahap keselamatan akaun Facebook, Outlook dan Google anda dengan beberapa langkah mudah

**4 APLIKASI KAMERA TERBAIK** 7  
 Berikan gambar anda kesan efek istimewa dan dapatkan aplikasi fotografi berguna buat telefon pintar

**6 LANGKAH UNTUK MENCEGAH DARIPADA SERANGAN MEMANCING DATA** 11  
 Ikuti langkah-langkah penting untuk melindungi diri dan akaun peribadi milik anda daripada serangan memancing data dalam talian

**ISI KANDUNGAN**

**PAUTAN** 4  
 Ketahui lebih lanjut mengenai CFM dan aktiviti yang dijalankan di serata tempat

**TOP GEAR – KAMERA TELEFON TERHEBAT** 6  
 Lihat beberapa telefon pintar yang dilengkapi ciri kamera yang hebat

**ZON APP – EKSPRESIKAN KREATIVITIMU!** 7  
 Lakukan fotografi menggunakan telefon pintar dengan aplikasi kamera terbaik

**INTERAKSI – PANGGILAN TERPUTUS** 8  
 Ketahui mengapa panggilan terputus berlaku

**PILIHAN - PELAN TERBAIK** 9  
 Semak pelan telefon terbaik dalam carta yang kami sediakan

**SANTAI - SERLAHKAN KREATIVITI & FANTASI ANDA** 10  
 Jurugambar terkenal, Kid Chan berkongsi tentang teknologi yang boleh menjadikan seseorang sebagai jurugambar dengan hanya menggunakan telefon pintar

**MEDIA SOSIAL – JERAT BERBAHAYA** 11  
 Ketahui tentang serangan memancing data dan bagaimana untuk mencegahnya

**ISU BULETIN – PENGESAHAN DWI-FAKTOR** 12  
 Jadikan emel dan akaun Facebook anda lebih selamat dengan beberapa tip mudah

**MOBILITI – SENARAI SEMAK SEBELUM MEMBAIKI TELEFON PINTAR** 13  
 Adakah telefon pintar atau tablet anda perlu dibaiki? Baca empat langkah senarai semak ini!

**DIGITAL – BITCOIN 101** 14  
 Ketahui lebih lanjut tentang mata wang digital yang mengejutkan dunia

MMA MOBILE MARKETING ASSOCIATION

# DAGANGAN MUDAH ALIH

Malaysia 2014

Peniaga sentiasa mempunyai pelbagai saluran untuk menjalankan perniagaan dan menarik minat pelanggan. Memandangkan peranti telefon mudah alih melebihi bilangan komputer peribadi, perniagaan secara dalam talian (*online*) menjadi cabaran bagi setiap peniaga untuk membina dan mengekalkan hubungan bersama pelanggan. Dengan kemajuan teknologi, ia mencipta pengalaman membeli belah yang baru.

PERKEMBANGAN MEMBELI BELAH SECARA ONLINE

**78% MEMBELI SECARA ONLINE**

**4 DARIPADA 10 GEMAR MEMBELI BELAH SECARA ONLINE MELALUI TELEFON MUDAH ALIH**

KOMPUTER PERIBADI KEKAL RELEVAN

**17%**

**19% MELAYARI INTERNET MELALUI TELEFON MUDAH ALIH TERDORONG KEPADA PEMBELIAN DI PREMIS PERNIAGAAN**

PERKEMBANGAN MENYELURUH

**13% MEMBELI KOMPUTER & ALAT ELEKTRONIK**

**13% MEMBELI PAKAIAN & AKSESORI**

**12% MEMBELI TIKET & HOTEL**

PENGALAMAN MEMBELI BELAH

**1 DARIPADA 5 MELAKUKAN CARIAN DALAM TALIAN SEBELUM MENGUNJUNGI PREMIS PERNIAGAAN**

KETIKA DALAM KEDAI...

**13% MELAKUKAN TINJAUAN DALAM TALIAN**

**25% MEMERIKSA DARIPADA PRODUK SAINGAN**

**9% MEMINTA PENDAPAT DARIPADA RAKAN**

**20% TIDAK MENGGEMARI PILIHAN DI KEDAI**

**23% TEMUI TAWARAN LEBIH BAIK DALAM TALIAN**

**KANDUNGAN YANG DIYAKINI ADALAH ASAS BAGI PENGGUNA UNTUK MEMAHAMI DAN MENGGALAKKAN PROSES JUALAN**







**● CFM SERTAI KARNIVAL ICT**

Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) menyertai pameran di Karnival ICT Seremban yang berlangsung dari 12 hingga 14 September bertempat di Majlis Perbandaran Seremban. Puan Normazalila Abu Bakar, salah seorang ahli majlis CFM telah berkongsi maklumat bersama pengunjung yang hadir. Di tapak pameran CFM, pengunjung dimaklumkan tentang isu-isu semasa mengenai komunikasi dan multimedia melalui permainan menarik yang menerima kunjungan menggalakkan daripada golongan dewasa dan kanak-kanak.



**● CFM GEGARKAN LANGKAWI**

Pada 14 hingga 15 September 2014, CFM telah mengambil bahagian dalam Karnival Jalur Lebar 1Malaysia di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Pulau Langkawi. Karnival Jalur Lebar 1Malaysia yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran tentang penggunaan dan keupayaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dan juga mendidik hak-hak pengguna dalam industri komunikasi dan multimedia. Di tapak pameran CFM, pengunjung dapat mengikuti aktiviti permainan yang disediakan sepanjang program berlangsung selama dua hari.

**● CFM LUASKAN MINDA DI KL CONVERGE 2014**

KL Converge! 2014 adalah program yang paling dinanti-nantikan bagi penggerak, pelopor dan mereka yang berkecimpung dalam industri kreatif. Kehadiran CFM di KL Converge! adalah fokus kepada memberi penerangan kepada orang ramai mengenai hak-hak pengguna dan mendorong sokongan sendiri dalam industri tersebut. Program tersebut yang bermula dari 17 hingga 19 September menarik lebih 3,000 pengunjung. Pengunjung turut mendengar ceramah yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi CFM, Encik Megat Ishak dan Pengarah CFM, Encik Ahmad Izham Khairuddin.



**● PERJUMPAAN DENGAN PERSATUAN PENGGUNA**

CFM telah mengadakan perjumpaan bersama beberapa wakil daripada persatuan pengguna di Johor pada 26 September 2014 untuk berkongsi maklumat dan mendapatkan maklum balas tentang isu-isu yang dihadapi oleh pengguna di sekitar Johor Bahru. Wakil yang hadir pada mesyuarat tersebut ialah wakil daripada Persatuan Pengguna Bumiputera Johor, Persatuan Penggerak Pengguna Johor dan Persatuan Pengguna Bestari Malaysia. Pada program tersebut, CFM juga mengalu-alukan kedatangan ahli baru untuk menyertai CFM.

**● LAWATAN PERWAKILAN NTRA MESIR KE CFM**

Pada 15 Oktober 2014, wakil dari Lembaga Kawal Selia Telekomunikasi Kebangsaan (NTRA) Mesir telah mengadakan lawatan ke ibu pejabat CFM untuk berkongsi maklumat antara kedua-dua organisasi serta bertukar-tukar pandangan dan pengalaman tentang pelaksanaan organisasi. Delegasi NTRA telah diberi taklimat secara terperinci mengenai perlindungan pengguna mengikut perspektif Malaysia dan usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia tentang 'keselamatan kanak-kanak atas talian.' Delegasi NTRA diwakili oleh Pengarah Eksekutif Interaksi Sosial, Encik Aly Anis dan Pengarah Perlindungan Pengguna, Encik Samad Saied.



**● SESI PERKONGSIAN MAKLUMAT BERSAMA NGO PANTAI TIMUR**

Lebih 70 peserta daripada pelbagai pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) termasuk beberapa agensi, wakil media dan para pelajar dari kolej Giat MARA menghadiri Sesi Perkongsian Maklumat Industri anjuran CFM selama sehari yang diadakan di Hotel Zenith, Kuantan pada 30 Oktober. Dalam program itu menampilkan beberapa pakar industri iaitu Pengarah CFM, Encik Ahmad Izham Khairuddin; Timbalan Pengerusi CFM, Encik Megat Ishak; wakil Maxis, Encik Azmi Jalal dan wakil TM, Encik Mansor Atan yang berkongsi beberapa isu industri penting seperti panggilan terputus, caj panggilan antarabangsa yang tinggi dan kualiti perkhidmatan yang tidak baik.

**● ASTRO RAIKAN AHLI MAJLIS CFM**

Pusat Penyiaran Asia (ASTRO) menyambut baik delegasi CFM di ibu pejabat mereka pada 28 Oktober 2014. Delegasi CFM telah diberi penerangan menyeluruh tentang operasi ASTRO serta pemahaman tentang isu-isu yang sering berlaku kepada pengguna oleh wakil daripada Jabatan Kawal Selia dan Hal Ehwat Industri ASTRO.

**● PIKOM FAIR, JB**

CFM telah menyertai PIKOM Fair Johor Bahru dan membuka ruang pameran selama tiga hari bermula 26 hingga 28 September. Tapak pameran CFM mendapat sambutan positif daripada orang ramai dan menerima maklum balas yang sangat menggalakkan daripada pengunjung yang hadir.

**● KARNIVAL & KEJOHANAN SAMPAI DENGAN SELAMAT**

Karnival dan Kempen Sampai dengan Selamat yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah diadakan pada 1 dan 2 November di Metro Driving Academy, Pulau Meranti, Puchong. CFM turut menyertai karnival berkenaan dengan membuka tapak pameran untuk berkongsi maklumat dan menerangkan cara-cara membuat aduan kepada pengunjung yang kebanyakannya terdiri daripada pekerja industri Pos dan Kurier yang diraikan dalam karnival tersebut atas sumbangan mereka kepada masyarakat.





## KAMERA TELEFON PINTAR PALING IDEAL

Mungkin suatu masa dahulu, kita tidak pernah terfikir kamera pada telefon pintar hari ini akan menjadi salah satu spesifikasi utama yang perlu ada dalam pemilihan telefon pintar. Isu kali ini menyentuh mengenai telefon pintar terkini yang dilengkapi ciri kamera yang hebat...



1



### APPLE IPHONE 6 PLUS

Dari RM2,749, [www.apple.com/my](http://www.apple.com/my)

Telefon bersaiz paling besar yang pernah dikeluarkan oleh Apple, dengan paparan Full HD pada skrin bersaiz 5.5 inci dan ketebalannya hanya 7.1mm. Kelebihannya terletak pada kamera belakang 8-MP iSight. Diintegrasikan dengan aperture f/2.2, mempunyai penstabilan imej optik untuk kawalan gegaran kamera dengan lensa kristal nilam yang dapat mengintegrasikan HDR secara automatik untuk rakaman gambar yang lebih baik dan rakaman video 1080p yang lebih jelas. Hasilnya? Kualiti gambar yang dihasilkan lebih menarik dan cantik.

### SAMSUNG GALAXY NOTE 4

RM2,499, [www.samsung.com/my](http://www.samsung.com/my)

Dengan pencahayaan LED Flash dan kamera belakang 16-MP serta dilengkapi dengan penstabilan imej optik yang tahan gegaran, rakaman gambar dan video boleh dirakam dengan resolusi 4K. Rakaman gambar dan video dipaparkan pada skrin 5.7-inci dengan resolusi Quad HD Super AMOLED bagi menghasilkan imej yang lebih cantik dan jelas. Bagi yang sukakan 'selfie', pasti akan menyukai rekaan ini kerana mempunyai kamera hadapan sebesar 3.7-MP yang juga dilengkapi lensa F/1.9, dengan mod 'selfie' seluas 120 darjah, sesuai untuk rakaman 'selfie' individu dan berkumpulan.



2

3



### XPERIA Z3 COMPACT

RM1,899, [www.sonymobile.com](http://www.sonymobile.com)

Xperia Z3 Compact didatangkan dengan kamera sebesar 20.7-MP yang mempunyai lensa wide angle Sony G bersaiz 25mm untuk rakaman lebih luas. Juga dilengkapi dengan imbasan Sony Exmor R dan penambahan sehingga 12,800 ISO yang sesuai bagi rakaman pencahayaan rendah. Z3 juga mempunyai paparan skrin 720p bersaiz 4.6 inci, jangka hayat bateri yang luar biasa serta kalis air yang menjadi kelebihan pada peranti ini.

4




### HTC BUTTERFLY 2

RM2,399, [www.htc.com/sea](http://www.htc.com/sea)

Butterfly 2 menampilkan keunikannya melalui kamera belakang sebesar 13-MP yang dilengkapi dengan lensa f/2.2 dan kebolehan unik untuk menghasilkan gambar "depth of field" penuh gaya. Juga mempunyai kebolehan untuk menyunting gambar secara manual tanpa menjejaskan kualiti gambar. Kamera hadapannya sebesar 5-MP, khas buat mereka yang gemarkan 'selfie', melengkapkan ciri istimewa HTC Butterfly 2.

## EKSPRESIKAN KREATIVITI ANDA!

Anda boleh menghasilkan fotografi dengan lebih kreatif melalui telefon pintar anda dengan menggunakan beberapa aplikasi pilihan ini. Bermula dengan aplikasi yang membolehkan anda membuat kepelbagaian rakaman termasuk aplikasi yang membolehkan anda mengambil gambar menarik pada semua sudut sehingga 360 darjah. Pastinya aplikasi-aplikasi ini merupakan panduan terbaik bagi kamera telefon pintar anda. Sekarang, ekspresikan kreativiti anda!



### APLIKASI KAMERA

#### AFTER FOCUS

Percuma untuk Android, USD0.99 untuk iOS



Aplikasi yang amat luar biasa kerana anda boleh mencipta gambar dengan latar belakang 'defocus' ala-DSLR dengan mudah. Tidak seperti sesetengah aplikasi kamera telefon pintar, dengan aplikasi ini anda boleh melakukan secara manual untuk menjadikan bahagian gambar sebagai kawasan tumpuan dan luar tumpuan agar gambar nampak lebih natural. Anda juga boleh menggunakan pelbagai kesan efek khas pada aplikasi ini untuk mendapatkan hasil yang lebih kreatif dan menarik.

#### GOOGLE CAMERA

Percuma untuk Android



Bagi mereka yang berani mencuba dan mahukan kelainan, aplikasi ini mempunyai antaramuka 'bungleproof' dan penambahan efek khas serta didatangkan dengan mod latar belakang kabur (defocus) memberikan kesan efek yang menarik untuk selfie dan potret. Ia juga berupaya merakam video dan imej secara serentak dengan ciri tambahan iaitu mod 'Photosphere' untuk merakam gambar landskap dari semua sudut sehingga 360 darjah. Namun, Android 4.4 KitKat diperlukan untuk menggunakan aplikasi ini...

#### OPEN CAMERA

Percuma untuk Android



Aplikasi kamera yang diketengahkan sepenuhnya ini disertakan dengan beberapa fungsi istimewa berbanding beberapa aplikasi kamera telefon pintar lain iaitu keupayaan untuk mengubah ISO, penstabilan imej secara automatik, menetapkan kesan warna dan filter, mempunyai mod 'burst' dan mod pengesan wajah. Penggunaannya mungkin berbeza walaupun beberapa ciri mungkin tidak terdapat pada aplikasi ini. Ia bergantung kepada jenis telefon dan versi Android yang anda gunakan.

#### SNAPSEED

Percuma untuk iOS dan Android



Aplikasi mudah untuk mengedit foto ini memberi anda pelbagai pilihan bagi memberi efek luar biasa kepada gambar anda. Ia mempunyai pelbagai jenis filter untuk mengubahsuai warna dan memberi perubahan warna pada gambar, mempunyai kebolehan untuk memutar, memotong dan menjelaskan imej serta terdapat mod ubah condong agar gambar kelihatan lebih berseni. Aplikasi ini turut dilengkapi mod pembetulan gambar secara automatik (auto correct) yang akan memperbaiki gambar anda dengan hanya menekan satu butang.

## HELO? HELOOO?!?

Panggilan Terputus – Apa, mengapa dan siapa yang harus dipersalahkan?



Besar kemungkinan, anda akan mengalami situasi seperti ini iaitu panggilan telefon anda terputus sewaktu melakukan panggilan atau lebih teruk lagi, mungkin langsung tidak dapat membuat panggilan tanpa anda ketahui sebabnya. Kadangkala, perkara ini biasanya terjadi apabila anda benar-benar perlu membuat panggilan pada waktu berkenaan. Perkara tersebut merupakan antara masalah menjengkelkan yang terjadi dalam telekomunikasi moden hari ini iaitu – **Panggilan Terputus**.

Bagi pengguna biasa, panggilan terputus merupakan satu insiden apabila talian daripada seorang pemanggil kepada pemanggil lain terputus sebelum kedua-duanya selesai membuat panggilan, dan ia boleh berlaku disebabkan penyedia perkhidmatan, peranti atau kawasan liputan.

Apabila anda membuat panggilan, telefon pintar anda akan terus berhubung dengan stesen pemancar terdekat. Panggilan anda akan disambungkan melalui stesen pemancar ke nombor penerima yang anda hubungi dan isyarat tetap dikekalkan sepanjang tempoh memanggil. Apabila anda membuat panggilan ketika sedang bergerak, contohnya ketika anda sedang memandu, isyarat tersebut akan disambungkan kepada stesen pemancar yang lain dan lebih dekat. Namun, apa jua boleh berlaku kepada isyarat anda semasa melakukan panggilan.

Punca panggilan terputus berlaku biasanya disebabkan anda memasuki kawasan tiada isyarat iaitu kawasan yang mempunyai liputan rendah atau tiada liputan seperti tempat letak kereta bawah tanah. Punca lain ianya berlaku mungkin disebabkan komponen stesen pemancar

mengalami kegagalan berfungsi dan gagal menghantar sebarang isyarat. Kegagalan sambungan isyarat daripada satu stesen pemancar kepada pemancar lain juga menyebabkan talian terputus.

Jika telefon anda tidak dapat mengekalkan isyarat secara konsisten daripada stesen pemancar iaitu kegagalan sambungan, ia juga boleh menyebabkan talian terputus berlaku.

Jika anda mempunyai masalah seperti ini, boleh laporkan aduan ke portal aduan CFM di [www.complaint.org.my](http://www.complaint.org.my) atau hubungi talian bebas tol **1-800-18-2222**.

### STATISTIK ADUAN

Tahun	Jumlah aduan keseluruhan
2013	5,666
2014 (sehingga Oktober)	6,257

### STATISTIK- ADUAN PANGGILAN TERPUTUS

Tahun	Jumlah aduan bagi panggilan terputus
2012	31
2013	22
2014 (sehingga Oktober)	15

#### MELAPORKAN MASALAH PANGGILAN TERPUTUS

Panggilan anda sering terputus? Kecewa dengan kualiti panggilan yang sering terganggu? Anda boleh melaporkan rasa tidak puas hati anda terhadap masalah tersebut kepada syarikat telekomunikasi anda terlebih dahulu. Jika aduan itu masih tidak dapat diselesaikan atau anda masih tidak berpuas hati dengan penyelesaian yang diberikan, anda boleh membuat laporan kepada Portal Aduan (CoP) Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM). Sebelum membuat aduan, sila sediakan maklumat berikut untuk penyelesaian segera:

- Lokasi tepat di mana anda mengalami panggilan terputus. Sertakan poskod atau alamat penuh kerana ia dapat membantu.
- Tarikh, masa dan tempoh panggilan yang diterima dan dibuat.
- Jenis model telefon pintar yang anda gunakan.
- Syarikat pembekal perkhidmatan dan jumlah bar isyarat semasa membuat panggilan.
- Nyatakan secara jelas sama ada panggilan terputus kerap berlaku atau berlaku pada waktu tertentu.
- Nombor telefon mudah alih lain yang mengalami masalah sama.



COMPLAINT PORTAL  
[www.complaint.cfm.org.my](http://www.complaint.cfm.org.my)

The COP stands for Complaint Online Portal which is a self-managed complaint portal designed to allow you the consumer to monitor for yourself the status of your complaint, whether your file has been looked at or responded to by complaint officers. It gives you a transparent access to the status of your complaint.

Kemukakan aduan ke Portal Aduan (CoP)  
[www.complaint.cfm.org.my](http://www.complaint.cfm.org.my)

Faks ke  
**+603-2693 2288**

Emel ke  
[aduan@cfm.org.my](mailto:aduan@cfm.org.my)

Laporkan di:  
**Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
6-02, 6th Floor Wisma Straits  
Trading No. 2, Lebuhraya Pasar Besar 50050 Kuala Lumpur Malaysia

## SYARIKAT TELEKOMUNIKASI PILIHAN

Berikut merupakan antara pelan prabayar, pascabayar dan data pelan terbaik yang terdapat di pasaran. Semak tawaran berikut untuk anda membuat pilihan..

### 5 TAWARAN PRABAYAR PALING POPULAR

Pembekal	Komitmen Bulanan	Kos panggilan (RM/Min) ke semua rangkaian	Kos SMS (RM/Min) ke semua rangkaian	Kos per 1 GB (RM)
Altel	RM28.00	RM0.16	RM0.05	RM28.00
Tune Talk	RM28.00	RM0.16	RM0.05	RM28.00
U Mobile	RM28.00	RM0.20	RM0.08	RM28.00
Maxis Hotlink	RM30.00	RM0.12	RM0.07	RM30.00
DiGi Best Prepaid	RM30.00	RM0.20	RM0.08	RM30.00

### 5 TAWARAN PASCABAYAR PALING POPULAR

Pembekal	Komitmen Bulanan	Kos panggilan (RM/Min) ke semua rangkaian	Kos SMS (RM/Min) ke semua rangkaian	Tambahan Kos per 1 GB (RM)
Redone	RM8.00	RM0.15	RM0.10	RM25.00
U Mobile	RM28.00	RM0.20	RM0.12	RM6.67
Maxis	RM28.00	RM0.15	RM0.15	RM48.00
Celcom	RM38.00	RM0.15	RM0.15	RM40.00
DiGi	RM50.00	RM0.15	RM0.10	RM28.00

### 5 TAWARAN JALUR LEBAR PALING POPULAR (DONGLE & MODEM USB)

Pembekal	Komitmen Bulanan	Jumlah data (GB)	Kelajuan Mbps	Kos per 1 GB (RM)
DiGi Broadband 25	RM25.00	1	21	RM25.00
P1	RM39.00	2	1	RM19.50
UMobile MB40	RM40.00	2	21	RM20.00
Maxis Light User	RM48.00	3	7.2	RM16.00
Yes	RM48.00	2	20	RM24.00

### 3 TAWARAN JALUR LEBAR PALING POPULAR (JALUR LEBAR TANPA WAYAR)

Pembekal	Komitmen Bulanan	Jumlah data (GB)	Kelajuan Mbps	Kos per 1 GB (RM)
Yes Super 48	RM48.00	2	10	RM24.00
UMobile MB68	RM68.00	10	21	RM6.80
Maxis	RM68.00	8	21	RM8.50

### 3 TAWARAN JALUR LEBAR PALING POPULAR

Pembekal	Komitmen Bulanan	Jumlah data (GB)	Kelajuan Mbps	Kos per 1 GB (RM)
Maxis Light User	RM49.00	3	7.2	RM16.33
Unifi VIP 5	RM149.00	60	5	RM2.21
P1 Fibre OnePlan	RM169.00	53	5	RM3.12

\*Kadar adalah yang terkini sehingga Disember 2014 dan tertakluk kepada perubahan mengikut syarat ditetapkan syarikat penyedia perkhidmatan. Sebarang kadar yang dinyatakan dalam artikel ini adalah bukan di bawah tanggungjawab SHOUT!. Pengguna disarankan untuk melakukan tinjauan sebelum memilih pelan telefon yang ditawarkan.



## SERLAHKAN KREATIVITI DAN FANTASI ANDA

*Kid Chan, seorang jurugambar perkahwinan dan pengarang terkenal di Asia mempunyai ramai pelanggan ternama yang menggunakan khidmatnya. Beliau berkongsi kaedah bagaimana semua orang boleh menjadi jurugambar melalui teknologi telefon pintar.*

**S**aya telah mempraktikkan kemahiran saya selama 13 tahun dan mula menceburi bidang ini apabila bakat saya dicungkil oleh pakar fotografi ternama, T.S Lim yang juga pemilik Studio 88. Ia bukan satu jalan yang mudah untuk diikuti namun ia adalah satu kepuasan bagi saya.

Ada yang mengatakan bahawa kamera terbaik ialah yang bersama dengan anda, dan dalam hal ini, telefon pintar memenuhi kriteria tersebut. Walaupun telefon pintar tidak dilengkapi dengan kamera tahap profesional tetapi pengeluar telefon pintar telah melakukan penambahbaikan agar fotografi dapat diakses oleh semua. Jika anda perhatikan pada Flickr, kebanyakan gambar-gambar yang dimuat naik di laman tersebut hanya menggunakan telefon pintar.

Bagi mereka yang baru mula untuk belajar *fotografi*, telefon pintar adalah kaedah terbaik sebagai permulaan kerana anda dapat lebih fokus untuk mempelajari asas tanpa perlu bimbang tentang aspek teknikal bagi mendapatkan gambar yang terbaik. Sebelum ini, saya telah mengadakan pameran foto dan kelas mengajar untuk menghasilkan gambar dengan lebih baik hanya menggunakan telefon pintar.

Telefon pintar adalah satu alat yang sangat peribadi walaupun ia dianggap yang terbaik. Anda akan sentiasa dapat mengendalikannya sendiri jadi anda perlu mengambil kira reka bentuk, antaramuka pengguna, rupa dan keselesaan peranti tersebut. Walaupun kamera telefon pintar adalah lebih sesuai untuk kegunaan kasual namun peranti yang digunakan bukan menjadi persoalan utama. Apa yang lebih penting ialah kemahiran sebagai jurugambar dan latihan yang berterusan untuk mendapatkan hasil yang sempurna. Untuk mengetahui lebih banyak hasil kerja saya, boleh ikuti saya di laman Instagram, [www.instagram.com/iamkidchan](http://www.instagram.com/iamkidchan)



Photo courtesy of Kid Chan Studios

**“TELEFON PINTAR ADALAH KAEDAH TERBAIK** sebagai permulaan kerana anda dapat lebih fokus untuk mempelajari asas tanpa perlu bimbang tentang aspek teknikal bagi mendapatkan gambar yang lebih baik.”

### PETIKAN



#### MENGGUNAKAN TEKNIK PERATURAN KETIGA

Bayangkan grid maya yang membahagikan apa yang anda lihat pada skrin ke dalam grid 3x3. Imej ideal akan mempunyai titik fokus di persimpangan untuk menjadikannya kelihatan lebih menarik dan komposisi yang lebih baik.



#### LATIHAN BERTERUSAN

Ada yang pernah menyatakan, “Sepuluh ribu gambar pertama anda adalah yang paling teruk”. Teruslah merakam dan anda boleh lihat diri anda menjadi lebih baik dari semasa ke semasa.



#### MAHIR TEKNIK PENCAHAYAAN

Sentiasa beri tumpuan pada aspek pencahayaan apabila merakam gambar anda. Cuba biarkan cahaya yang berada di belakang terpancar pada subjek untuk hasil yang terbaik.

## JERAT BERBAHAYA

*Penjenayah siber kini semakin canggih dan licik. Ketahui bagaimana mereka mencuri setiap sen dengan serangan memancing data.*



**J**ohn (bukan nama sebenar) sedang menggunakan e-perbankan untuk membayar bil dalam talian. Suatu hari, dia mendapat e-mel yang meminta dia memasukkan semula kata laluan bank, jika tidak dia mungkin akan kehilangan akses akaun banknya. Tanpa ragu-ragu, pautan itu terus diklik dan dia memasukkan maklumat peribadinya. Ketika ingin membayar bil selepas beberapa jam kemudian, dia terkejut baki akaunnya telah

kosong. Itu merupakan jerat e-dagang moden iaitu – serangan memancing data (phishing).

Memancing data ialah satu percubaan oleh seseorang untuk mendedahkan butiran peribadi anda seperti nombor kad kredit, kata laluan atau maklumat rahsia supaya mereka boleh mengakses akaun bank atau kad kredit anda dan mendapatkan semua yang anda miliki atau menggunakan akaun anda untuk membayar barangan dan perkhidmatan yang mereka beli. Beberapa percubaan memancing data telah menjadi begitu canggih, iaitu penjenayah membina

laman web perbankan palsu yang seolah-olah sama dengan laman web sebenar dengan harapan anda akan log masuk (sebagai ‘umpan’) dan kemudian mendedahkan kata laluan anda kepada mereka (‘memancing’ untuk mendapatkan data pengguna), penipuan scam atau beberapa tipu muslihat lain. Ikuti enam langkah penting dan ikuti laman web rasmi SKMM di [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my) serta Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Malaysia (MyCert) di [www.mycert.org.my](http://www.mycert.org.my) untuk perkembangan lanjut. Berhati-hatilah dan sentiasa berwaspada!

### 6 LANGKAH UNTUK MELINDUNGI DIRI ANDA DARIPADA SERANGAN MEMANCING DATA (PHISHING)

#### 1. Siapakah anda?

Jangan dedahkan maklumat peribadi atau kata laluan anda melalui e-mel atau telefon. Sesebuah institusi kewangan yang sah tidak akan meminta butiran sebegini.

#### 2. Anda dari mana?

Perhatikan e-mel anda dengan teliti. Berhati-hati dengan segala butiran yang diminta. Ini mungkin satu percubaan memancing data.

#### 3. Sekiranya Timbul Keraguan... Jangan

Jika anda tidak pasti tentang laman web yang dinyatakan di dalam e-mel, taip secara manual di pelayar web secara berasingan. Memancing data boleh membina laman web palsu.

#### 4. Adakah ini selamat?

Teliti huruf, tanda sengkang atau titik di alamat laman web. Juga pastikan bahawa laman web berkenaan adalah selamat dengan <https> yang sebenar.

#### 5. Jangan Hubungi Kami, Kami akan Hubungi Anda

Jika anda ragu-ragu tentang e-mel yang diberikan, buat panggilan ke nombor telefon institusi berkenaan daripada sumber lain yang telah disahkan.

#### 6. Sentiasa Periksa Maklumat Anda

Semak kad kredit dan penyata bank dengan kerap untuk melihat sebarang percanggahan. Jika ianya berlaku seperti anda tidak melakukan apa-apa transaksi daripada akaun anda, laporkannya kepada bank dengan segera dan ubah kata laluan anda.





## PENGESAHAN DWI-FAKTOR – MENJADIKAN AKAUN INTERNET ANDA LEBIH SELAMAT

Pelbagai cerita tentang akaun peribadi pengguna seperti emel atau Facebook mereka digodam dan disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab hingga ada kes yang terpaksa dibawa ke mahkamah untuk diselesaikan. Kebanyakan perkhidmatan atas talian seperti emel dan Facebook mempunyai tahap keselamatan tersendiri. Untuk log masuk ke laman sesawang, hanya masukkan kata laluan anda dan anda telah berjaya masuk ke laman tersebut. Namun, jika ada yang mengetahui kata laluan anda mereka juga boleh mengakses akaun anda. Bagi memastikan akaun anda lebih selamat daripada diceroboh pihak ketiga,

pengesahan dwi-faktor adalah satu langkah tambahan bagi keselamatan akaun anda.

Langkah ini berkesan kerana anda memerlukan pengesahan fizikal (sesuatu yang anda miliki) iaitu melalui telefon pintar anda dan pin tambahan. Tanpa kedua-duanya, anda tidak dapat masuk ke akaun tersebut. Walaupun langkah ini agak menyusahkan kepada pengguna, ia menjadikan penggodam lebih sukar untuk mengakses akaun anda walaupun mereka berjaya mencuri kata laluan anda. Ikuti bagaimana langkah untuk mengaktifkan dwi-pengesahan bagi perkhidmatan atas talian yang paling popular...



### LANGKAH 1

Log masuk ke Facebook anda dan klik pada **'chevron'** di sudut kanan bahagian atas. Klik pada tab **Tetapan**

### LANGKAH 2

Dalam menu Tetapan, klik pada tab **Keselamatan**. Pilih dan aktifkan **Kelulusan Log Masuk**. Kemudian pilih dan aktifkan pilihan **Penjana Kod**.

### LANGKAH 3

Dalam aplikasi Facebook terpasang pada peranti mudah alih anda, di bawah menu **Bantuan & Tetapan**, klik pada pilihan **Penjana Kod** untuk mendapatkan kod pengesahan anda untuk log masuk seterusnya. Akaun Facebook anda kini lebih selamat!



### LANGKAH 1

Pengesahan dwi-faktor untuk akaun Microsoft anda merangkumi semua perkhidmatan di dalamnya dan bukan hanya Outlook. Untuk mengaktifkannya, log masuk ke akaun Microsoft anda seperti biasa.

### LANGKAH 2

Di bawah tab **Keselamatan dan Privasi**, lihat senarai Akaun keselamatan dan klik pada **Mengurus keselamatan lengkap**

### LANGKAH 3

Pilih **dwi-pengesahan** dalam menu. Ubah pilihan anda jika anda mahu menerima kod pengesahan melalui aplikasi, nombor telefon atau alamat e-mel sokongan.



### LANGKAH 1

Log masuk ke akaun Akaun Google anda. Klik pada ikon profil dan klik tab **Akaun** pada menu

### LANGKAH 2

Pada **Akaun**, klik tab **Keselamatan** kemudian klik pada **dwi-pengesahan**

### LANGKAH 3

Ikuti prosesnya mengikut langkah yang diberikan. Bagi pengguna Android, anda boleh memasang Aplikasi Pengesahan Google agar boleh menjana kod unik sebagai ganti daripada mendapatkannya melalui SMS. Selepas ini, anda boleh mendapatkan kod pengesahan melalui SMS atau aplikasi untuk log masuk. Akaun anda kini lebih selamat!

## SENARAI SEMAK SEBELUM MEMBAIKI TELEFON PINTAR

Telefon pintar adalah antara barangan anda yang paling berharga. Ia bukan hanya disebabkan harganya yang mahal tetapi ia juga mengandungi akaun media sosial anda, akses e-perbankan, gambar peribadi, lagu kegemaran dan banyak lagi. Jika anda ingin membaiki telefon pintar anda di pusat servis baik pulih, anda mungkin terdedah kepada risiko keselamatan disebabkan oleh juruteknik yang tidak bertanggungjawab. Sebelum anda membuat keputusan untuk menghantar telefon pintar anda untuk dibaiki, lakukan semakan seperti senarai berikut bagi mengelak data peribadi anda diceroboh.

### 1. Adakah Anda Percaya Kepada Juruteknik Anda?

Sebaiknya, pilih pusat sehati baik pulih yang disahkan oleh jenama telefon anda. Sekiranya anda dalam keadaan terdesak dan perlu membaiki telefon anda pada juruteknik yang tidak diiktiraf, anda perlu tahu sejauh mana anda boleh mempercayai mereka. Berapa lama mereka telah terlibat dalam bidang perniagaan tersebut? Apakah polisi yang mereka ada mengenai perlindungan data pelanggan?

### 2. Sudahkah Anda Menyimpan Maklumat Mengenai Peranti Anda?

Sebelum anda menyerahkan telefon anda, catat nombor IMEI (*International Mobile Equipment Identity*) telefon anda. Jika bateri telefon pintar boleh ditanggalkan, tandakan dengan dakwat penanda atau pelekat. Taip **\*# 06 #** untuk mendapatkan nombor IMEI telefon anda. Ini bagi memastikan mereka tidak menukar telefon anda dengan yang lain walaupun langkah ini tidak semestinya dapat menyelesaikan masalah jika berlakunya pertukaran mana-mana bahagian telefon anda. Anda juga perlu keluarkan kad SIM dan kad microSD anda daripada telefon kerana ia tidak diperlukan untuk membaiki peranti anda.

### 3. Adakah Anda Melindungi Kata Laluan Anda?

Anda mungkin telah menyimpan kata laluan anda pada akaun media sosial, emel, dan aplikasi pada telefon pintar anda. Sebelum menyerahkan pada pusat servis membaiki telefon, pastikan anda log keluar daripada akaun media sosial dan aplikasi emel anda. Kemudian, padamkan rekod semakan serta tetapan kata laluan yang disimpan pada enjin carian anda. Ia bagi mengelakkan akaun anda digodam dan berlakunya kecurian identiti. Jika anda mempunyai dwi-pengesahan bagi sebarang aplikasi, batalkannya untuk sementara waktu sehingga telefon anda dikembalikan.

### 4. Adakah Anda Melindungi Data Anda?

Telefon pintar anda juga menyimpan teks, gambar dan video anda. Bagi peranti iOS, anda boleh membuat salinan pendua untuk fail dan dokumen peribadi anda menggunakan iCloud ([www.icloud.com](http://www.icloud.com)). Bagi Android, anda boleh membuat salinan pendua untuk imej menggunakan aplikasi Foto dan mengaktifkan Sandaran Automatik (Auto Backup) atau memindahkannya ke komputer anda. Untuk menyimpan maklumat kenalan, pergi ke Tetapan telefon anda, pilih Penyandaran & Penetapan Semula dan pilih Sandarkan Data Saya. Ini bergantung kepada yang memiliki akaun Google. Jika semua langkah di atas telah dilakukan, lakukan Tetapan Semula Data Kilang dan pilih Pulihkan Data yang Disandarkan pada telefon anda.





## APA ITU BITCOIN?

Cuba bayangkan terdapat sejenis mata wang yang tidak boleh dijejaki, dibekukan atau dikawal oleh mana-mana negara dan hampir tidak dapat dikesan sepenuhnya. Ya, mata wang itu ialah Bitcoin.



Bitcoin diperkenalkan pada tahun 2009 oleh seorang pengatur cara yang menggunakan nama samaran Satoshi Nakamoto. Ia adalah mata wang digital tanpa kawalan yang tidak ditetapkan kepada mana-mana mata wang dunia sebenar dan tidak dikawal selia oleh mana-mana organisasi kewangan. Tidak ada mana-mana negara ataupun pihak berkuasa yang mengawal nilai Bitcoin walaupun Bitcoin telah mengalami lonjakan nilai yang amat ketara sejak ia diperkenalkan. Nilai Bitcoin pernah mencecah hingga AS\$1,242 biarpun nilai ini mengalami turun naik dengan ketara dari hari ke hari. Secara keseluruhan, pasaran Bitcoin dianggarkan bernilai AS\$5 bilion dolar<sup>(1)</sup>.

Bitcoin merupakan sejumlah kod yang terdiri daripada algoritma matematik kompleks yang mempunyai nilai. Untuk melabur dalam Bitcoin, anda memerlukan poket maya untuk menyimpan kod-kod ini sama ada melalui aplikasi telefon pintar atau komputer. Bitcoin boleh dibeli dengan mata wang biasa dan kemudian ditukar kepada barangan dan perkhidmatan melalui transaksi kod yang mudah. Pihak-pihak yang berurus niaga tidak perlu mengenali identiti antara satu sama lain kerana ia hanya melibatkan transaksi kod semata-mata. Malangnya, sifat tanpa nama Bitcoin itu menyebabkan ia digunakan sebagai mata wang pilihan untuk membeli barangan dan perkhidmatan yang belum pasti sah di sisi undang-undang.

Bitcoin disulitkan (encrypted) supaya ia tidak dipalsukan. Untuk mengekalkan nilainya, seluruh sistem telah direka dengan had sehingga 21 juta Bitcoin sepanjang ia dikeluarkan. Pada masa ini, terdapat kira-kira 13 juta Bitcoin yang berada dalam edaran. Mereka yang ingin mendapatkan lebih banyak Bitcoin perlu melakukan 'perlombongan', mengikut istilah Bitcoin. Namun, lama-kelamaan Bitcoin semakin sukar diperolehi kerana algoritma menjadi semakin sukar untuk diselesaikan dan memerlukan beberapa pihak untuk bekerjasama.

Kini, Bitcoin diterima oleh banyak syarikat di seluruh dunia untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang terdiri daripada syarikat-syarikat besar seperti peruncit dalam talian iaitu Amazon dan permainan gergasi, Zynga (Mafia Wars dan Farmville fame) sehingga ke perniagaan berskala kecil seperti kedai makan dan kedai kopi<sup>(2)</sup>. Penerimaannya agak perlahan tetapi kini ia semakin diterima secara beransur-ansur, dan baru-baru ini California, Amerika Syarikat telah menandatangani satu rang undang-undang yang membatalkan larangan penggunaan Bitcoin sebagai urus niaga yang sah<sup>(3)</sup>.

Walaupun ianya jelas akan terus berkekalan, ramai pihak masih membincangkan sama ada ia boleh dijadikan mata wang alternatif kepada mata wang sedia ada untuk jangka masa panjang.

1. <http://www.bitcoinwatch.com/> 2. <http://bitcoin.travel/> 3. [http://leginfo.ca.gov/pub/13-14/bill/asm/ab\\_0101-0150/ab\\_129\\_bill\\_20140624\\_enrolled.htm](http://leginfo.ca.gov/pub/13-14/bill/asm/ab_0101-0150/ab_129_bill_20140624_enrolled.htm)

# TAK PUAS HATI?

dengan perkhidmatan  
**KOMUNIKASI & MULTIMEDIA  
ANDA?**



**AJUKAN ADUAN  
YANG TIDAK SELESAI  
MENGENAI PERKHIDMATAN  
KOMUNIKASI & MULTIMEDIA**

PORTAL ADUAN PENGGUNA

**cop**

[aduan.cfm.org.my](http://aduan.cfm.org.my)



FORUM PENGGUNA KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA